



## JABATAN KESIHATAN WP LABUAN

### PEMBERITAHUAN TARIKH AKHIR PROMOSI KEMPEN IMUNISASI POLIO LABUAN (KIPL) 2020

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan (JKWP) Labuan ingin memaklumkan bahawa tarikh akhir promosi pemberian vaksin bagi Kempen Imunisasi Polio Labuan (KIPL) 2020 adalah pada **28 Ogos 2020 (Jumaat)**. Sehubungan dengan itu, pemberian vaksin polio secara percuma akan tamat pada tarikh tersebut. Masyarakat digesa untuk memastikan anak-anak mendapatkan vaksin tersebut sebelum tarikh akhir kempen. Kaunter perkhidmatan tambahan untuk pemberian vaksin tersebut akan dibuka di ruang letak kereta Klinik Kesihatan Labuan bermula pada hari ini sehingga tarikh akhir tersebut.

Masyarakat perlu memahami bahawa penyakit Polio tidak mempunyai ubat. Hanya dengan imunisasi sahaja akan dapat melindungi anak-anak dari dijangkiti virus polio dan mencegah mereka dari kelumpuhan kekal. Langkah pencegahan polio ini juga penting bagi Malaysia mendapatkan semula pengiktirafan negara yang bebas polio dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sekian, terima kasih.

DR ISMUNI BIN BOHARI  
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan WP Labuan  
24 OGOS 2020

**PEMAKLUMAN**

**JABATAN KESIHATAN WP LABUAN**

**PEMBERHENTIAN PEMBERIAN VAKSIN IMUNISASI TAMBAHAN POLIO  
BAGI DOS 1 KEMPEN IMUNISASI POLIO LABUAN 2020**